



# **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK ABDUL MOHEE BIN HASHIM  
TOKOH BUSANA DAN TATARIAS

OLEH:

NOR SHAFIZA BINTI SHAHLLAN	2012942715
NUR JANNAH BINTI KHAIRUDDIN	2012143417

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK MOHEE BIN HASHIM  
TOKOH BUSANA DAN TATARIAS

OLEH:

NOR SHAFIZA BINTI SHAHLLAN	2012942715
NUR JANNAH BINTI KHAIRUDDIN	2012143417

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015 - JULAI 2015)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

*Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.*

*Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 604 – Documenting Oral History (Sejarah Lisan), Puan Nurulannisa Binti Abdullah dan Puan NorKamariah Binti Chik yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk meyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.*

*Encik Abdul Mohee bin Hashim, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Tidak dilupakan Puan Diana dan Cik Nursyahirah daripada Persatuan Pe-Zapin yang telah banyak membantu kami dengan memberi informasi mengenai tokoh. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuannya.*

*Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.*

*Sekian terima kasih.*

# ABSTRAK

# ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Encik Abdul Mohee Hashim Mengenai Pembabitan Beliau Dalam Bidang Seni.

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Mohee atau Mohii Bin Hashim mengenai penglibatan beliau dalam mengembangkan tarian zapin. Transkrip temubual ini dijalankan di rumah Encik Mohee di Kluang, Johor di mana tempat Encik Mohee tinggal pada 15 Mei 2015 bermula jam 3.00 petang. Beliau adalah salah seorang pengiat Zapin yang diberi gelaran tokoh busana dan tatarias oleh Persatuan Pengiat-pengiat Zapin Johor iaitu Pe-zapin. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang dan juga penglibatan beliau serta pengalaman beliau dalam mengekalkan tarian zapin dan busana tatarias zapin yang semakin hilang ditelan zaman. Temubual ini lebih tertumpu kepada bidang penglibatan beliau sebagai seorang juri di pelbagai jenis pentandingan yang melibatkan zapin dan cabaran yang beliau hadapi sepanjang penglibatan beliau. Dalam usaha mengembangkan tarian zapin. Selain itu beliau juga memberi sedikit pandangan mengenai busana tatarias asal melayu Johor dan nilai yang perlu dipupuk pada generasi muda supaya terus mengembangkan dan memperkenalkan tarian zapin yang ada di Johor.*

**Kata kunci :** *Encik Mohee, Busana dan Tatarias, Zapin,*

# **BIODATA TOKOH**

# BIODATA TOKOH

## Tokoh Busana dan Tatarias Zapin



**Gambar 1: Tokoh Busana dan Tatarias Zapin**

- Nama Penuh** : Abdul Mohee bin Hashim (“Mammi”)
- Tarikh Lahir** : December 25, 1941 (74 Tahun)
- Tempat Lahir** : Segamat, Johor
- Alamat** : Kluang, Johor
- Maklumat Peribadi** : Aktivis Kebudayaan Johor, Penceramah Melayu Busana, Hakim Festival Zapin di Johor, Penasihat & Jurulatih 'Tarian



# PENGENALAN

# PENGENALAN

Transkrip temubual berama Encik bdul Mohee bin Hashim ini telah dijalankan pada 15 Mei 2015 di rumah beliau , Kluang Johor. Tujuan temubual ini dijalankan adalah mengenai penglibatan dan pengalaman beliau dalam bidang seni tarian zapin.

Encik Abdul Mohee bin Hashim @ Mohhi bin Hashim lebih dikenali dengan panggilan Mammi telah dilahirkan di Segamat, Johor. Beliau tinggal bersendirian di Kluang, Johor.

Transkrip temubual ini dijalankan selama satu jam tiga puluh tiga minit, penumpuan temubual ini lebih menjurus kepada pengalaman beliau dalam bidang zapin, walaupun usia beliau mencecah 74 tahun, beliau masih aktif dalam memberi ilmu dan pandangan dalam mengembangkan tarian zapin dan busana tatarias zapin Johor sehingga ke hari ini.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Tinggi Muar, beliau seorang yang aktif dengan Persatuan Pegiat-pegiat Zapin sejurus selepas bersara dalam bidang pekerjaan. Beliau aktif dan pernah membuat persembahan tarian Cinta sayang di hadapan Perdana Menteri Malaysia yang Pertama iaitu Yang Amat Berhormat Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj .Beliau juga pernah menyertai Kumpulan tarian Sriwana daripada Singapura dan mempersembahkan tarian zapin.

Permulaan kerjaya beliau lebih tertumpu di Johor Bahru dan seterusnya ke Kluang, Johor dan menjadi pengajar tarian zapin di pelbagai institusi kerajaan seperti Sekolah rendah dan menengah, Jabatan dan pelbagai lagi. Selepas beliau bersara beliau banyak melibatkan diri dengan Persatuan Penganjur-Penganjur Zapin Johor atau dikenali sebagai Pe-Zapin.

Persatuan Penganjur Zapin Negeri Johor adalah pertubuhan berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dan dikendalikan Tunas Warisan Budaya beroperasi di Bandar Putra, Kulaijaya, Johor dengan rasa kesedaran yang tinggi berhubung dengan kesenian tari zapin negeri Johor adalah dengan mengekalkan keasliannya.

Pendekatan ini difikirkan harus dilakukan demi memupuk semangat jati diri serta cintakan kesenian dan kebudayaan bangsa yang berteraskan kesenian yang dibawa oleh pengasas dan penerus zapin di negeri Johor. Persatuan zapin ini bertempat di alamat No.5412-B Jalan Kenari 18, Bandar Putra, Kulaijaya, Johor.

Persatuan ini ditubuhkan bagi menyatupadu dan menjalin hubungan semua penganjur seni zapin termasuk pengasas, pewaris, pemuzik, peminat dan sesiapa yang bergiat secara langsung atau tidak langsung. Misi persatuan ini bagi memupuk semangat memartabatkan kesenian bangsa ke tahap professional dan positif minda dengan lahirnya generasi pelapis yang turut serta membangunkan kesenian bangsa khususnya seluruh rakyat Malaysia.

En Mohee bin Hashim dilantik menjadi tokoh busana dan tatarias zapin bagi membantu dalam mendedahkan pemakaian sebenar tarian zapin Johor Lama dan pengalaman beliau dalam

tarian zapin yang mampu memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada generasi baru. Walaubagaimanapun, pergerakan En Abdul Mohee bin Hashim kini amatlah terhad atas faktor usia dan kesihatan yang tidak mengizinkan.

Tarian zapin adalah sangat popular di negeri Johor. Zapin perkataan bermakna pergerakan kaki dari perkataan 'al-Zafn'. Zapin merupakan tarian tradisional Melayu yang pada asalnya diadaptasi daripada budaya tradisional Arab-Parsi. Ia adalah yang paling dipengaruhi oleh Zapin Arab, tetapi ia mempunyai beberapa ciri-ciri yang membuat tarian zapin Melayu berbeza dengan tarian zapin Arab. Berdasarkan sejarah lama, tarian zapin telah bermula sebagai tarian hiburan di istana yang dibawa oleh Hadramaut, Yaman Selatan di abad ke-13. Pada asasnya, banyak tarian Melayu yang baru mengambil tarian zapin sebagai langkah asas. Pada masa kini, tarian zapin telah dilakukan dalam formal atau tidak formal acara-acara seperti majlis perkahwinan, acara pembukaan besar-besaran dan sebagainya. Di Johor terdapat pelbagai zapin yang ditarikan mengikut setiap mukim seperti mukim Muar, menggunakan tarian zapin Lenga, Mukim Batu Pahat menggunakan tarian Pandan sari, Mukim Mersing menggunakan tarian pulau, mukim Johor Bahru menggunakan tarian zapin Pekajang dan pelbagai lagi.

Kehidupan En Mohee seharian lebih menitik beratkan penjagaan kesihatan diri, dan menjaga permakanan seharian. Beliau selalu membantu dan menerima kunjungan dalam mengembangkan sertamenyebarkan serba banyak ilmu yang beliau miliki kepada anak didik beliau dan pelajar yang ingin mengembangkan seni tarian zapin di Malaysia ini.

## KAEDAH KAJIAN

Bagi menjayakan penulisan ini, bahan-bahan untuk penulisannya didapati dalam tiga cara iaitu :

### a) Pengumpulan Data

Penulis mencuba sedaya upaya mengumpulkan data-data sebanyak mungkin untuk sesi interview dan untuk dimasukkan ke dalam penulisan, yang mana dirasakan perlu dan ada kaitan dengan kajian ini. Dalam mengumpulkan data dan bahan-bahan kajian, penulis ada membuat kajian tentang latar belakang tokoh dan kajian tentang latar masa tokoh yang banyak melibatkan diri dalam tarian zapin. Maklumat di peroleh daripada majalah dan aktiviti berkaitan zapin yang di edarkan dan juga termasuk bertanya dengan pengiat-pengiat persatuan zapin Johor.

### b) Kajian Luar



Gambar 2: Gambar Tokoh Sewaktu di Temubual

Penulis membuat kajian luar dengan menggunakan dua cara iaitu melalui temubual dan pemerhatian. Kaedah ini amat penting untuk penulis kerana melalui temubual, penulis dapat memperoleh maklumat tentang pengalaman peribadi tokoh semasa melibatkan diri dengan tarian zapin yang tidak terdapat di mana-mana terbitan sejarah.

### c) Perakam Suara



**Gambar 3: Perakam Suara**

Penulis menggunakan perakam suara untuk merakam temuramah bersama tokoh busana dan tatrias zapin iaitu En. Mohee bin Hashim supaya suara beliau boleh didengar dengan jelas bagi melancarkan lagi proses penulisan kajian dan untuk memastikan penulis tidak tertinggal mana-mana isi temuramah.

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	ii
Abstrak.....	iv
Biodata Tokoh.....	vi
Pengenalan.....	viii
Isi Kandungan.....	xiv
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang dan Kerjaya Tokoh .....	02
Bahagian 2: Pengalaman .....	09
Bahagian 3: Pengibatan dalam Zapin .....	13
Bahagian 4: Sumbangan .....	16
Bahagian 5: Pendapat .....	20
Lampiran	
Log Wawancara.....	26
Diari Kajian.....	33
Senarai soalan.....	35
Surat Perjanjian.....	42
Gambar.....	43
Indeks.....	45



# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang Encik Abdul Mohee Bin Hashim iaitu Tokoh Busana dan Tatarias. Wawancara ini dijalankan di rumah En Mohee di Kluang. Sesi wawancara bersama Encik Mohee Bin Hashim ini telah di adakan pada 15 Mei, 2015 pada pukul 3.00 petang. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Encik Mohee Bin Hashim dan pengalaman beliau semasa melibatkan diri dengan tarian zapin berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

EM: Encik Mohee

NS: Nor Shafiza

NJ: Nur Jannah

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG DAN KERJAYA TOKOH

**NS : Apakah nama penuh Encik Mohee dan boleh *tak*[tidak] Encik Mohee ceritakan sedikit latar belakang En Mohee daripada kecil?**

**EM :** Nama penuh saya Abdul Mohee M-O-H-E-E atau Mohhi bin Hashim. Jadi penglibatan saya dalam tarian Melayu *masa*[semasa] di Muar. *Masa*[semasa] *tu*[itu] *form*[tingkatan] *three*[tiga] di Muar pada tahun *lima puluh tujuh*[1957]. Penglibatan saya dalam tarian mulai *lima puluh tujuh* [1957] sampai *tahun lima puluh sembilan*[1959] Sekolah di Muar iaitu Sekolah Tinggi Muar. Kemudian,

*lepas*[selepas] saya berkerja pada *sembilan belas sembilan puluh satu*[1991] di Johor Bharu di Jabatan Audit, *JKR* [Jabatan Kerja Raya], *PTG* [Pejabat Tanah dan Galian], \_\_\_\_\_, Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim sampai Pejabat Belia. *Masa*[semasa] *tu*[itu] saya mengajar di pelbagai institusi - sekolah rendah, sekolah menengah, jabatan kerajaan, kilang, *pesantren*[sekolah pondok] - merangkumi semua. Jadi saya ditugaskan di Kluang, saya ditugaskan di Kluang pada *tahun lapan puluh*[1980] sampai *sembilan puluh*[1990]. *Masa*[semasa] *tu*[itu] saya bekerja di Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kluang, sampai saya bersara *sembilan belas sembilan puluh enam*[1996]. Dalam masa saya di Kluang *ni* [ini], saya mengajar di *pesantren*[Sekolah Pondok], kilang, sekolah rendah, sekolah menengah, kem Mahkota Bakat bakat *TUDM* [Tentera Udara Diraja Malaysia] atau Artillery dua --- *sorry*[maaf] dan tujuh Agregat itu di Kem Makhota Kluang, *tak*[tidak] tahulah masih ada lagi *tak*[tidak] dan masa yang sama aya aktif sampai \_\_\_\_\_, aktif masa zaman bujang *ni*[ini] lah sampai saya bersara. Jadi, sementara *tu* [itu], pada tahun *sembilan puluh enam*[1996] dan *sembilan puluh tujuh*[1997], saya mula bersara, *Pe-Zapin*[Persatuan penggiat-penggiat zapin] belum ditubuhkan lagi. *Masa*[Ketika] *tu* [itu] di Johor, *Dr Anis*[Dr Mohd Anis bin Mohd Nor] datang, *Ghani Othman*[Abdul Ghani Othman] Menteri Besar Johor tahun *sembilan puluh enam*[1996] atau *sembilan puluh tujuh*[1997]. Jadi masa menyuarat itu saya *dah*[sudah] pergi. Dalam mensyuarat *tu*[itu] *Ghani Othman*[Abdul Ghani Othman] telah bercakap dengan *Dr Anis*[Dr Mohd Anis bin Mohd Noor], “Adakah zapin negeri Johor?” jadi, Proffesor *Dr Anis*[Dr Mohd Anis bin Md Noor] kata “Di Malaysia ini ada”

kalau nak buat zapin dia boleh. Jadi, pada tahun *sembilan puluh empat*[1994], tertubuhnya Yayasan Warisan Johor maka Dr Anis dilantik sebagai Karyawan Tamu maknanya *Dr Anis*[Dr Mohd Anis bin Mohd Nor] melibatkan diri dia pada zapin. Pada satu masa *sembilan puluh enam*[1996] saya *dah*[sudah] bersara. Jadi, awal *sembilan puluh enam*[1996] Dr. Anis telah *adakan*[mengadakan] bengkel Zapin Negeri Johor di Gunung Ledang Resort. Jadi, saya pergilah, saya pergi masa *nak*[sudah] *pencen*[bersara]. Datang *nak*[hendak] tengok siapa yang mengajar, orang muda *ke*[kah] atau orang tua *ke*[kah]. Jadi saya pergi, saya tengok Dr. Anis. Saya berdiri di pintu dewan - berdiri *saja*[sahaja], rasa *da*[ada]- dalam *tujuh puluh*[70] lebih peserta ada tua, muda, gemuk, kurus *ialah*[merujuk kepada bengkel] pertama kali bengkel zapin. Dr Anis sambil dia ceramah *tu*[itu] dia perhatikan saya, dia yang mengajar zapin Melayu Johor Asli, zapin yang pertama. *Lepas*[Selepas] *tu*[itu] baru timbul pelbagai zapin, kemudian zapin Muar Lenga, Zapin Pekajang Johor Bharu, Zapin \_\_\_\_\_ - Batu Pahat , Pontian Seri Bunian dan Mersing Pulau. Yang *tak* [tidak] *da* [ada] zapin Kluang, Kota Tinggi dan Segamat, *tak*[tidak] *da*[ada] zapin. Jadi bila dia pertandingan dimana saya salah seorang juri peringkat daerah dan negeri, jadi ketiga-tiga daerah ini pinjam- zapin orang dia menari. Macam Kluang, Segamat dan Kota Tinggi pinjam zapin orang dia menari. Jadi- *dah*[sudah] habis *tu*[itu], saya jadi juri untuk Yayasan Warisan Johor daripada tahun *sembilan puluh tujuh*[1997], sampailah ke tahun *dua ribu sebelas*[2011], saya menjadi juri. *Dua ribu dua belas*[2012] saya sakit *kena*[kerana] strok. Saya bergiat dalam pelbagai- Di Warisan Yayasan Johor saya yang jadi juri peringkat

daerah dan negeri, saya dilantik *unofficial*[tidak rasmi] sebagai *busana tatarias*[Tokoh Busana dan Tatarias] bahagian zapin. Mulut celupar *bila*[apabila] kawan dengan Dr Anis[Dr Mohd Anis bin Mohd Noor], Dr Anis bertanyalah pakaian untuk Johor Lama macam mana, sanggul bagaimana, jadi saya bercakap *saja*[sahaja] lah. Disitu pada tarikh *sembilan puluh enam*[1996] sampai *dua ribu sebelas* [2011] dapat---, dimana ada *Professor*[Dr Anis bin Md Nor] kalau ada berkaitan dengan zapin Negeri Johor disitu ada saya. Tak tahu apa cerita di belakang, jadi *tu* [itu] lah dia ceritanya. Jadi saya dengan *Pe-Zapin*[Persatuan Penganjur-Penganjur zapin] kebetulan berjumpa dengan *Puan Dianna*[Puan Dianna Sulaiman] dan En Azhar. *Puan Diana*[Puan Dianna Sulaiman] datang ke rumah ini, dia kata dia ingin melantik saya sebagai *busana tatarias*[Tokoh Busana dan Tatarias] sampai sekarang ini. Apabila ada *Pe-Zapin*[Persatuan Penganjur-Penganjur zapin]--- .Di studio ada satu galeri, di mana awak boleh cari semua jenis pakaian Johor di dalam pertandingan zapin dan sanggul, macam-macam. Sanggul yang biasa orang buat limau manis, dia *dua*[2] *saja*[sahaja] sebab limau manis *bila*[apabila] pakaikan bunga ia lawa dan sanggul lebah bergantung. Dulu dekat rumah-rumah di kampung ada sarang lebah bergantung, *tapi*[tetapi] bila masuk tarian saya tengok lain, *dia*[peserta] kata sanggul lebah bergantung bila saya *check*[nilai] lain.Sanggul ada *tiga*[3] yang selalu dipakai. Kalau awak pergi ke studio *Pe-Zapin*[Persatuan Penganjur-Penganjur Zapin] awak tanya *Puan Dianna*[Puan Dianna Sulaiman, Setiausaha Persatuan Penganjur-Penganjur Zapin] ada *tak*[tidak] buku, buku mengenai busana tatarias. Saya buat buku *tapi*[tetapi] saya *tak*[tidak] simpan. *Dah*[sudah] banyak

*Professor*[Dr Anis bin Md Nor] punya *sanggul*[simpanan sanggul] jadi yang saya ambil buat kita tengok seperti sanggul limau manis dan sanggul\_ \_ \_ \_ \_.

Jadi saya aktif zapa, *tapi*[tetapi] saya sudah tidak boleh menari lagi dengan keadaan *begini*[tunjuk pada diri sendiri], *tak*[tidak] boleh buat apa terima *saja*[sahaja]. *Tapi*[tetapi] tentang busana tatarias, saya boleh. Tentang busana saya *nak*[hendak] terangkan, boleh? Lelaki, *dulu*[dahulu] mesti bersongkok dan berjambul, sekarang dia pakai *brooch*[kerongsang], baju mestilah tulang belut, kancing[, *kocek*[poket] mesti *dua*[2], berdagang dalam atau berdagang luar, berdagang dalam ni *samping*[kain samping] ke masuk dalam baju, *kocek*[poket] dua, kalau samping ke luar, baju masukkan ke dalam dan samping di ikat. Seluar pakai yang biasa, sekarang pula kalau awak tengok ada bermacam-macam fesyen [Suara gelak]. Entah saya pun *tak*[tidak] berapa faham, Yayasan pun *tak*[tidak] *da*[ada] *buat*[mengadakan] bengkel tiada untuk panggil saya. *Tapi*[tetapi] bila tengok seluar *tu*[itu] ada yang *kecik*[kecil] dan besar. Itu berdagang luar mesti bersongkok, jambul atau *brooch*[kerongsang], leher berbentuk tulang belut mesti kene ada jika tiada tulang belut *siap*[hukuman]. *Tapi*[tetapi] kata orang macam mana En Mohee *nak*[hendak] nampak. Kalau begitu sebelum bertanding panggil kita untuk *judge* [hakimi], panggil dia *orang*[peserta], melalui *couple*[pasangan] by *couple*[pasangan]. Pasti ada macam-macam jenis fesyen.

Kalau perempuan mesti bersanggul, *tapi*[tetapi] sanggul *tu*[itu] terpulang pada *masing-masing*[peserta] kebanyakan dia buat sanggul limau manis sebab

*simple*[ringkas] dan menarik, serta baju perempuan mesti ada tulang belut. Tapi sekarang *tak*[tidak] *da*[ada], *bila*[apabila] menari kocek *tak*[tidak] *da*[ada]. Dulu baju *kocek*[poket] *satu*[1], pernah tengok? Itu *dulu*[dahulu] *tapi*[tetapi] *bila*[apabila] menari zapin sampai sekarang *kocek*[poket] perempuan *tak*[tidak] *da*[ada], jadi pihak *Yayasan*[Yayasan Warisan Johor] sendiri *tak*[tidak] pertikaikan buat apa kita pertikaikan. \_ \_ \_ \_ .Padahal, kalau dia buat *kocek*[poket] *satu*[1] pada baju perempuan kan lawa, dengan berdagang luar dengan tangan ikat kain sebelah kiri, sebelah lagi tangan diayun, sebelah kiri akan pegang kain itu bagi orang perempuan berdagang luar.[bunyi kamera telepon] Orang lelaki \_ \_ \_ \_ , songkok, *brooch*[kerongsang], atau bulu ayam *tapi*[tetapi] sekarang *tak*[tidak] *da*[ada] bulu ayam dan *tak*[tidak] nampak *langsung*[digunakan], asal ada busana jadi lah. Jadi busana *tu*[itu] macam *diibarat*[dipakai] bagi lelaki ada tulang belut, berkocek dua, dan berdagang dalam atau luar. Kocek *tu*[itu] kalau isi dalam kocek kalau berdagang luar *tak*[itu] nampak, kalau berdagang dalam pun tak nampak jugak. Cuma yang cantik kain samping yang dipakai oleh lelaki atas buku lali, berdagang luar. Dia sikit *saja*[sahaja]. *Satu*[1] lagi baju kurung sari,[bunyi kereta] dia *ni*[ini] *lima* [5]butang lelaki dan perempuan *tapi* [tetapi] dia punya bahagian leher ni *kecik*[kecil] kalau besar *dah*[sudah] jadi cekak musang, jadi dia *kecik*[kecil] kan, butang *satu*[1] atas dan *empat*[4] bawah, [bunyi telepon] jadi *lima*[5], *tu*[itu] kurung sari. [bunyi telepon] itu dipanggil boria, lelaki atau perempuan. Macam lelaki sama, dia orang pakai baju kurung sari bagi lelaki berdagang luar dan bersamping ke bawah [bunyi telepon]. Perempuan, *satu*[1] *aja*[sahaja]

berdagang luar juga. Jadi penglibatan saya setakat ini sudah terhad boleh menari *tapi*[tetapi] sudah terhad cuma saya pada busana *je*[sahaja] dan tatarias zapin.

## TAMAT BAHAGIAN 1

## BAHAGIAN 2: PENGALAMAN

**NS : Boleh *tak*[tidak] Encik Mohee ceritakan sedikit sambutan masyarakat terhadap tarian zapin ketika itu?**

**EM :** Dulu masa saya, tahun *enam puluhan*[1960] an *tak*[tidak] banyak zapin. Ada zapin tapi *tak*[tidak] *keluar* [diperkenalkan], tahun *sembilan puluhan*[1990] an lepas Dr Anis[Dr Mohd Anis bin Mohd Noor] jadi Karyawan Tamu zapin dia *bawa*[memperkenalkan] zapin *tu*[itu]. *Sembilan puluhan*[90] sampai tahun *dua ribu*[2000] *very*[sangat] *good*[bagus] sambutan daripada *level*[peringkat] sekolah rendah, sekolah menengah dan masyarakat, alhamdulillah. *Tapi*[tetapi] zapin kita, zapin Melayu Johor sangat berkembang luas. Masyarakat sekarang sudah boleh terima tentang Zapin Melayu Johor. Negeri lain pun ada zapin. Kedah ada zapin. *Tapi*[Tetapi] negeri lain *tak*[tidak] tunjuk zapin, dia tunjuk tarian tradisi. Macam Kedah, ada tarian Cinta Sayang. Saya pernah menari *dia*[tarian cinta sayang] tarian nelayan. Orang kedah pakai baju kurung dengan



kain dia bawa tampi [sambil membuat bentuk bulat]. Tarian cinta sayang *tu* [itu] tarian nelayan sementara suami *nak*[hendak] pergi, yang isteri- macam *say* [kata] *good bye* [selamat tinggal] lah *and*[dan] *then*[kemudian] dia tari cinta sayang. Tengku Abdul Rahman *the first*[Pertama] *Prime Minister*[Perdana Menteri], saya menari depan *Tengku*[Tengku Abdul Rahman] *tapi*[tetapi] bukan dengan budak-budak Kedah dengan budak *KL* [Kuala Lumpur], daripada Kementerian. *Simple*[ringkas] *dance*[tarian] tapi menarik. Zapin Terengganu, Kedah, Perak, Kelantan sendiri ada zapin. Cuma orang *tak*[tidak] tahu. Zapin keluar daripada Mak yong, Kelantan keluar daripada tradisi. Jadi kita Johor *ni*[ini], ada satu zapin Pekajang Johor Bahru, Lenga Muar, Mersing Pulau, Batu Pahat Couras, Tanjung Rabu dan Pandan Sari. *Tapi*[tetapi] sekarang nak tengok zapin-zapin *tu*[itu] jarang *dah*[sudah] mula, kalau ada masa di Pasir Gudang esok ada Pertandingan Zapin Negeri Johor *Final Stage*[peringkat akhir] ada Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Mukim, Jabatan, dan terbuka, semua keluar akan ada pelbagai zapin. Kan kita orang Johor mesti *nak*[hendak] tengok. Saya fikir tahun ini Kluang *habis*[kalah], *tak*[tidak] boleh *angkat*[menang], yang saya percaya boleh menang Batu Pahat, Pontian, Kota Tinggi, dan Mersing kuat. Mersing akan hantar Sekolah Menengah Sains. Sekolah Menengah Sains Mersing hebat, saya tengok masa di *UKM*[Universiti Kebangsaan Malaysia]---. Saya kata dengan anak buah kalau tahun Mersing *tak*[tidak] *angkat*[hantar] Sekolah Menengah Sains aku *tak*[tidak] *nak*[mahu] jumpa kau lah, sebab memang *fantastic*[menakjubkan] dan lawalah tarian.

NS : **Boleh ceritakan sedikit tentang pengalaman pahit manis sepanjang menyertai tarian zapin itu sendiri?**

EM : Kalau kata pahit banyak, kalau yang manis *tu*[itu] kurang. Kalau cantik persembahan satu daerah, kita beri markah tinggi, orang lain cemburu. Katakan kita *kasik*[beri] Batu Pahat. Yang lain, tanya kenapa? [macam mana boleh menang] Kalau dia terima *tak*[tidak] apa. *Dah*[sudah] kalah *dah* [sudah] lah. Yang *why* [kenapa] *tu*[itu] kenapa. *Why* [kenapa] *tak*[tidak] boleh terima. Kata dia kenapa kumpulan *tu*[itu] menang .Sebab itu saya malas jadi juri. Kalau jadi juri, kalau tahu apa persembahan dia orang *tak*[tidak] apa selamat. Kalau lantik juri yang *tak*[tidak] tahu apa-apa zapin ini, main *kasik*[beri] markah-. *Tu*[itu] yang saya kata tadi yang *tak*[tidak] patut menang boleh menang yang *tak*[tidak] patut menang boleh menang. *Abis*[habis] semua salah juri, pernah saya cakap dengan *Professor*[Dr Anis bin Md Nor] salahkan kita jadi juri kalau orang *tak*[tidak] berkenan. Payah hendak jadi juri, bukan senang *nak* [hendak] letak pen *tu* [itu]. Saya kata dengan orang kalau aku jadi juri kalau aku bagi kau \_ \_ \_ \_ \_ , *final*[akhir] *tu*[itu] satu markah *tu*[itu] boleh jatuh atau satu markah [bunyi telepon] *tu*[itu] boleh naik. Susah nak cakap tentang pahit dia orang *tak* [tidak] berkenan. Kata orang *ni*[ini], kumpulan yang menang [bunyi kereta] kita rasa menang, yang *tak*[tidak] menang sakit hati, kenapa. Jadi sebagai juri kalau nak

*katakan*[lantik] mesti tahu semua. Juri mesti tahu semua, *tapi*[tetapi] juri main lantik *ja*[sahaja]. Jadi *bila*[apabila] permarkahan,[bunyi telepon] kalau tiada juri yang pengalaman itulah keburukannya. Manisnya *bila*[apabila] menang.[bunyi telepon] Ada sekali tahun *dua ribu*[2000] macam mana *nak*[hendak] menang, ada penari perempuan *enam*[6] dan penari lelaki *empat*[4] *dia*[penari] buat salah, pakaian mereka singkat. Yang ada pakaian *tu*[itu] kalau awak tengok ada nampak baju dalam. Itu kita daripada busana, macam Encik Mohee *tak*[tidak] tanyalah takut nanti tanya *kang*[karang] orang marah. Tengok *aje*[sahaja]. Jadi juri kata *Pn.Diana*[Puan Dianna Sulaiman] [bunyi kereta] pun kalau tak betul-betul orangnya payah. Yang biasa jadi juri dengan *tak*[tidak] biasa jadi juri mesti ada, tahu *tak*[tidak]. *They*[mereka] *have*[ada] \_ \_ \_ \_ . Awak pergi mana-mana lah, melainkan kita kata mereka ada hak dan layak untuk menang. Hak dia macam mana dia boleh menang, layak ke dia untuk menang. Macam saya tengok \_ \_ \_ \_ Sekolah Seri Mersing, bukan nak puji tetapi hak dia untuk menang dan layak dia untuk menang. [bunyi motor] *tak*[tidak] tahu lah, juri-juri kadang- kadang.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### BAHAGIAN 3: PENGLIBATAN DALAM ZAPIN

NJ : Dalam zapin Johor ada banyak tarian, jadi Encik Mohee banyak terlibat zapin yang mana satu? Yang pernah *libatkan*[melibatkan] diri?

EM : Yang saya selalu buat zapin Dr. Anis[Professor Dr. Mohd Anis bin Mohd Noor], Zapin Melayu Johor Asli. Sebab apa? Zapin Melayu Johor Asli yang dicipta oleh Professor Anis[Dr. Mohd Anis bin Mohd Noor], *tak*[tidak] ada orang buat lagi- kerana apa- rasa sayalah- ragam tari *tak*[tidak] begitu memuaskan daripada penari-penari- jarang. Sepatutnya sebelum belajar zapin-zapin daerah lain, Zapin Melayu Johor Asli mesti mahirkan dulu, baru kita ikot. Jadi, yang saya dapat tengok Seri Bunian di Pontian itu cantik, Pandan Sari Batu Pahat, Lenga Muar, Mersing Pulau. Yang cantik, saya nampak tarian dia *tak*[tidak] begitu kasar- lembut. Zapin *ni*[ini] sebenarnya lembut- bukan penari zapin *tu*[itu]- kalau ditarikan cantik. Ini main kasar *je*[sahaja]- budak-budak sekarang *ni*[ini]. Budak-budak dulu lain. Asal bertanding- Wah! Bertanding *tapi*[tetapi] tidak macam tarian- tidak macam orang lama dulu, sebelum ada zapin- Tarian Inang, Tarian Masri, Joget. Zaman saya, kita menghayati *tapi*[tetapi] tarian Melayu Asli sampai sekarang *tak*[tidak] berani orang buat- walaupun, Kementerian Kebudayaan Kuala Lumpur. Sebab apa? Tarian Melayu Asli- contoh lagu patah hati, pantun dia- kita menari kerana Melayu Asli berpantun, zapin lain. Zapin sebenarnya- pendapat saya yang selalu kita tengok zapin tu antara perempuan lelaki. Betul *tak*[tidak]? Kalau lelaki boleh buat, kenapa orang perempuan *tak*[tidak] boleh buat. Zaman dulu orang perempuan atas *peran*[merujuk pada

Bahasa Melayu lama]. Anak bujang yang menari zapin. Kalau kau boleh buat, aku boleh buat. Jadi, dulu zapin *tak*[tidak] ada pasangan lelaki dan perempuan, lelaki sahaja, lelaki sama lelaki. Zapin dulu, orang menari depan pengantin-semua lelaki sahaja. Perempuan, awal tahun *nineteen eighty*[1980], saya menari zapin tahun *enam puluh-an*[1960] menari. Masa *tu* [itu] *tak*[tidak] *de*[ada] pakai *tu*[itu], kebaya *je*[sahaja]. Kalau kita tengok zapin sekarang *laki*[lelaki] perempuan. Cantik *tu* [itu] yang saya kata *tu* [itu] hak layak *nak* [hendak] bagi markah *tu* [itu]. Saya malas nak *kasik*[beri]- *nak*[hendak] jadi juri. Kalau *dulu*[dahulu] bolehlah. *Tapi*[tetapi] sekarang berilah pada orang muda- *tapi* [tetapi] banyak mulut. Mereka kata, “*Tak* [tidak] adil! *Tak*[tidak] adil!” Jadi, saya pun malaslah. Kalau awak *nak*[hendak] tanya saya macam tarian inang, tarian joget, tarian Melayu asli, tarian zapin[nama-nama tarian Melayu]. Setiap negeri ada zapin *tapi*[tetapi]- orang utara banyak pada tradisi- macam joget. Macam zapin jarang keluar. Zapin Terengganu cantik. Lagi masa saya pergi SEMARAK[pertandingan tarian] di Singapura pada tahun berapa *tah*[entah]. Zapin Terengganu- budak-budak perempuan dan lelaki Terengganu menari zapin Terengganu. Kemudian, semasa Festival Kesenian Sedunia tahun *dua ribu satu*[2001], kalau keluar macam-macam benda pelik. Ada hadiah daripada Singapura, ambil *plak*[piala] kayu. Zapin *ni*[ini] tertinggal. Yang ada Inang, Joget Johor. Jadi, kita orang Johor- *tak*[Tidak] *de*[ada]. *Ini* [piala] dari *Singapore*[Singapura]. Saya belajar menari di Johor Bahru dengan kumpulan Sri Warna, Singapura pada tahun *tujuh puluh-an*[1970]. Daripada Singapura- banyak kalilah. *Tapi* [tetapi] sampai saya sekarang- yang saya boleh ingat is

[ialah] Serampang *dua belas*[12], Diana[Puan Dianna binti Sulaiman] ada, saya turun pada dia. Dibalik cerita zapin, itu saat-saat Serampang *dua belas*[12]- , baju kurung- padi- lain. Singapura- tarian Melayu Jawa *dah*[sudah] *different* [lain] dengan tarian Melayu kita.

**NJ : Apa perbezaannya?**

EM Kita *ni*[ini] di Malaysia banyak tarian sezaman. Dia *pulak*[pula]- masa tahun *tu* [itu]*tujuh puluh-an*[1970] dia banyak pada tradisi. Kumpulan Sri Warna mahsyur tahun *tujuh puluh-an*[1970].

**NJ : Tarian kuda kepang mempunyai pantang larang sendiri. Adakah tarian zapin mempunyai pantang larang tersendiri?**

EM : [Menggelengkan kepala] *Tak*[Tidak] ada. Zapin Melayu Johor *tak*[tiada] ada pantang larang. Setahu saya, *tak*[tidak] *de*[ada]. Zapin memang tiada pantang larang. Awak belajar zapin *ni*[ini], belajar sahaja. Kuda kepang- *yes*[ya].

**NJ : Adakah Encik Mohee mengenali adiguru-adiguru zapin yang lain?**

EM : Banyak. Zapin *ea*[ya]? Pak Akob dari Zapin Tenglu, *kejap ye*[sekejap ya]--- masih hidup lagi. Sampai sekarang *tak*[tidak] dapat *phone number*[nombor

telefon] dia, *kat*[dekat] mana dia sejak dia sakit. Zapin Lenga Muar, Encik *Majid*[Majid bin Rawino]. *Zabedah*[Zubaidah binti Keliwon], Zapin Parit Mastar, Pontian. Arwah *Zainal*[Zainal Abidin bin Mohd Zafin], Zapin Pekajang. Allahyarham Tuan Haji Jaafar Ikhwan, adiguru sekarang adalah Puan *Diana*[Dianna binti Sulaiman], Zapin Seri Bunian. Saya sebenarnya *tak*[tidak] menari. Apa pun zapin saya *tak*[tidak] menari, *tapi*[tetapi] saya boleh. Dengan keadaan[sambil menunjukkan keadaan dirinya]- kalau *tak*[tidak], ligat. Umur saya bersara- sekarang saya *tujuh puluh empat*[74] tahun, bersara tahun *sembilan puluh enam*[1996], umur *lima puluh lima*[55]---

### TAMAT BAHAGIAN 3

### BAHAGIAN 4: SUMBANGAN

**NJ : Seterusnya saya *nak*[hendak] bertanya tentang sumbangan, berapakah anugerah yang pernah Encik Mohee terima?**

**EM :** [Menggeling] Ini [sambil menunjukkan piala anugerah] daripada Singapura. Ini sahaja. Kalau *nak*[hendak] kata di Malaysia *tak*[tidak] ada. Singapura sahaja. Masa itu--- ini pun yang diberi pada tahun 2004 oleh Encik Zubir Said. Dia dari kumpulan Singapore Malay Performing Arts. Dia panggil, *tak*[tidak] tahu. Satu ceramah dia menglibatkan semuanya. Di Malaysia [menggeling]- jangan harap. Macam perlantikan saya sebagai Penasihat Busana dan Tatarias, *no official*

*letter until now*[tiada surat rasmi sehingga sekarang] daripada Yayasan Warisan Johor. *Tak*[ada] *ada*[ada]. Yang melantik saya Professor Dr. Anis[Professor Dr. Mohd Anis bin Mohd Noor]. Dia Dekan Jabatan Kebudayaan UM [Universiti Malaya] secara *unofficial*[tidak rasmi] pasal[kerana] kita rapat- dah[sudah] macam adik beradik. Mulut dia celupar- cakap-cakap terus *unofficial*[tidak rasmi]. Kalau awak tanya yayasan, mampus.

**NJ : Selepas bersara dari tarian zapin, Encik Mohee ada terlibat dengan mana-mana persatuan zapin?**

EM : Inilah- Persatuan Penggiat-Penggiat Zapin Negeri Johor daripada *tahun dua ribu sebelas*[2011]. Awak boleh rujuk dengan Puan *Diana*[Dianna binti Sulaiman] [gangguan suara orang bercakap].

**NJ : Boleh beri tahu *tak*[tidak] Encik Mohee pernah jadi tetamu jemputan dekat mana-mana majlis atau bengkel? [gangguan suara]**

EM : Bengkel pe-zapin. Asal ada *je*[sahaja] bengkel, *diorang*[mereka] akan panggil. Lain *tak*[tidak] ada.



**NJ : Apakah perasaan yang boleh digambarkan Encik Mohee apabila pertama kali menyertai zapin?**

EM : Ringkasnya, rasa macam gembira. Gembira *tu*[itu] erti kata dapat melihat anak-anak buah saya ke peringkat yang maju. Kebanyakan anak buah saya jadi jurulatih. Anak buah saya banyak- melacak. Di Kuala Lumpur *tu*[itu], ada dua orang jadi JKKN Wilayah[Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur] menjadi penari. Dia dulu pezapin Sekolah Menengah Mersing[Sekolah Menengah Kebangsaan Mersing], Tanjung Batu[Sekolah Kebangsaan Tanjung Batu]- sekarang dia [bunyi burung] berada di JKKN Wilayah [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur]- yang seorang lelaki di Universiti Terengganu- UiTM [Universiti Teknologi MARA] Terengganu. Dia jadi penari wilayah. Seorang entah hilang ke mana, yang perempuan *tak*[tidak] praktis. Lelaki yang selalu hantar atau *contact* [berhubung], yang ada di Wilayah Kuala Lumpur. *Tapi*[tetapi], alhamdulillah, semua boleh mengajar. Walaupun saya *tak* [tidak] bimbing *diorang*[mereka] dalam apa zapin pun- cuma beri nasihat. Kalau perlu beri. Kalau *tak*[tidak] perlu, diam.

**NJ : Adakah Encik Mohee masih melatih peserta zapin?**

EM : *Tak*[tidak]. Sejak jatuh sakit tahun *dua ribu sebelas*[2011], sampai sekarang saya *tak*[tidak] mengajar. Cuma saya beri nasihat tentang busana dan tatarias

sekiranya ada pertandingan zapin negeri Johor. Kalau disebut pertandingan-pertandingan zapin negeri Johor, tertakluk pada syarat dan hukum-hakam pertandingan zapin. Walaupun begini keadaan saya, jurulatih Yayasan Johor *salute*[hormat][sambil menggayakan tabik hormat]. Dia daripada *single*[bujang], sekarang *dah*[sudah] *beranak-pinak*[berkeluarga]. Dia yang memantau dalam mencari jurulatih zapin di Johor. Pertanyaan tentang zapin, tanya apa-apa tentang zapin, Puan Nafidah, Puan Zirah--- *chicken*[ayam]- nama dia tarian *chicken*[ayam] Yang sorang[seorang] lagi dialah- dia pernah jumpa saya. *Tapi*[tetapi] saya cakap dengan dia orang semua, *nak*[hendak] jadi juri adil dengan seadil-adilnya. Tapi, saya dengar lainlah. Malaslah. Kita *dahlah*[sudahlah] begini, orang kata- dulu masa ada professor[Professor Dr. Anis bin Mohd Noor] kita disanjung. Sekarang, professor tiada, kita *dah*[sudah] begini. Jadi, anak-anak buah macam awak semua- datang- minta pendapat, beri. Selagi ada nyawa[bunyi nafas]. Apa yang kita boleh bantu, kita bantu, *tak*[tidak] boleh cakap *tak*[tidak] boleh. Senang sahaja. Ada yang bertanya- kalau sanggup pakai macam mana, pakai itu macam mana? Saya mencelah baju perempuan, baju lelaki tahu, *kan*[bukan]? Songkok, *brooch*[kerongsang] atau bulu ayam, butang, *kocek*[poket] satu ataupun *kocek*[poket] dua atau tiga, seluar. Pakaian sedondon[batuk]. Kalau lelaki kena pakai sedondon, makna warna sepasang. Baju, sampung, seluar sepasang, *tapi*[tetapi] itu sekarang. Dulu *tak*[tidak] boleh bersongket, tetapi berkain pelekat- sekarang bersongket. Terpulanglah. Macam perempuan- butang baju, sanggul dia *nak*[hendak] pakai satu- terpulanglah dia, Cucuk sanggul satu pemanis. Ada pakai macam ayam, *gasak*[suka hati] dialah.

Ada tiga, ada lima, ada penuh- terpulang pada peserta. Baju tulang belut sepatutnya ada *kocek*[poket], tak[tidak] ada *kocek*[poket], perempuan berdagang luar. Mesti ada. *Dia*[Ia] mesti tutup macam kain awak *ni*[ini]- tutup, jangan nampak anak baju bagi yang perempuan. Kalau ada pertandingan zapin *tak*[tidak] dibenarkan berkasut- lelaki atau perempuan. Bagi perempuan, tiada butang. Kalau pakai baju kurung sari, jadi *tak*[tidak] payah pakai butang, rantai satu, gelang boleh pakai satu *je*[sahaja], tiga *je*[sahaja], lima- kalau tujuh hilang seminggu[ketawa]. Pakaian untuk penari perempuan, [bunyi lori] sanggul terpulang *nak*[hendak] satu, *nak*[hendak] dua, *nak*[hendak] tiga atau besar, bunga sekuntum, tiga kuntum, lima, sebelah kiri bagi perempuan. Rantai leher, gelang, gelang kaki *takde*[tidak ada], *tak ape*[tidak mengapa]. Tadi, saya cakap sanggul limau manis, sanggul biasa terbelah satu, *tapi*[tetapi] tiga keping atau lima keping atau bunga *aje*[sahaja]. Butang baju satu, melainkan butang baju kurung sari itu bagi orang perempuan.

#### TAMAT BAHAGIAN 4

## BAHAGIAN 5: PENDAPAT

**NJ : Pada pendapat Encik Mohee, nilai yang perlu ada pada peserta zapin?**

EM : Nilai yang perlu ada pada penari zapin lelaki ataupun perempuan. Berat soalan ini. Nilai dia- *confident*[yakin]. *Bila*[Apabila] menari satu tarian zapin mesti ada *confident*[yakin], kemas. Kemas *tu*[itu]- dia sebagai penari mesti tahu apa yang dia hendak tarikan. Baik lelaki atau perempuan, *he or she must know what she is performing*[mereka mesti tahu apa yang mereka persembahkan]. Kalau *Lenga*[Tarian Lenga], pastikan betul-betul Lenga, atau katakan *Seri Bunian*[Tarian Seri Bunian], betul-betul Seri Bunian. Jadi, konsepnya *you must know what you are doing*[kamu perlu tahu apa yang kamu lakukan], *you must know what you are performing*[kamu mesti tahu apa yang kamu persembahkan], *you must be confident and flexibility over the dance*[kamu mesti yakin dan fleksibel terhadap tarian itu]. Maksudnya *flexibility over the dance*[fleksibel terhadap tarian itu], menarilah dengan cantik, jangan *lebih kurang*[tidak serius]. Menarilah. Kalau kata orang kita, satu benda pastikan *perform be well*[buat yang terbaik].

**NJ : Pada pendapat Encik Mohee, apa aktiviti ataupun cara lain yang boleh dilakukan bagi memperkembangkan tarian zapin?**

EM : [Senyap sebentar] Payah *nak* [hendak] jawab. *What you are to do* [Apa yang kamu perlu buat] belajarliah. Belajarliah semua zapin *from A to Z* [dari A sampai

Z]. Kemudian, habiskan satu zapin kepada kumpulan, yang ketiga bila ada *show*[pertunjukan] buatlah- tentang *contemporary movement*[pergerakan sezaman]. Sekarang orang *dah*[sudah] rajin *contemporary*[sezaman] atau--- *tapi*[tetapi] jangan hilang asal. *Yes, you can do what you want*[Ya, kamu boleh buat apa yang kamu mahu], *tapi*[tetapi] keaslian tarian *tu*[itu], ragam bunga tari itu biarlah *perfect*[sempurna]. Jaga *tu*[itu]. Belajar - belajar satu, katakan belajar Zapin Seri Bunian, kedua awak belajar cara hendak buat *performance*[persembahan], ketiga *tu*[itu], buat lain. Terpulang pada peserta. Tetapi, yang asal *tak*[tidak] berubah. Kalau Seri Bunian, belajar yang asal. *Bila*[Apabila] mengajar anak buah, buat lain sikit. *Bila*[Apabila] hendak bertanding, kutip bunga-bunga[bunga tari] jadikan satu- *tak*[tidak] salah. Bunga Lenga, bunga Seri Bunian, bunga Tenglu, asalkan *tak*[tidak] bercanggah, asalkan ikut lirik lagu. Dia akan beri nama, senarai nama zapin- pilih, *tak*[tidak] susah. *Contemporary*[sezaman], tradisional. Kalau tradisional buat tradisional. Kalau *nak*[hendak] persembahan *tu*[tu] juga, buat *contemporary*[sezaman]. Tanya *diorang*[mereka], *nak*[hendak] tarian tradisi *ke*[kah] atau *contemporary*[sezaman]?- tanya *diorang*[mereka].

**NJ : Pada pandangan Encik Mohee, sejauh mana media massa memainkan peranan dan pengaruh dalam menyebarkan serta mempromosikan budaya dan tarian zapin?**

EM : [Mengeluh] Setakat inilah--- setahu saya- entahlah- payah. Pada pendapat saya, kalau [bunyi enjin kereta] dapat diadakan selalu- macam pertandingan zapin *ke*[kah], bengkel zapin [bunyi lori] dan persada zapin. Mungkin kalau diadakan selalu bengkel zapin dan pertandingan zapin\_. Penyertaan daripada masyarakat- itulah- besarkan lagilah. Jangan tertumpu kepada satu zapin. Besarkan lagi.

NJ : **Soalan terakhir, Encik Mohee boleh *tak*[tidak] berikan sedikit nasihat atau kata-kata semangat kepada anak-anak muda di luar sana untuk menceburkan diri dalam pertandingan zapin?**

EM : Seperti yang saya nyatakan, untuk menarik penyertaan daripada anak-anak muda yang ada sekarang, banyakkannlah bengkel Zapin Johor Asia untuk kenangan. *Tak*[Tidak] mati. Zapin *tak*[tidak] mati [bunyi batuk]. Ada \_\_, sama ada bermula dari sekarang. Macam Puan *Diana*[Dianna binti Sulaiman] sekarang sudah dapat mengajar. Sekolah tamil, *dah*[sudah] pergi- penyertaan zapin. Sekolah cina, apatah lagi sekolah-sekolah lain. Jadi, hendaklah bermula di peringkat sekarang. Saya menasihatkan- kalau hendakkan zapin *ni*[ini] maju, bermulah daripada sekarang- ke peringkat- mungkin belia, jabatan, dan seterusnya. *Tu*[Itu] *je*[sahaja]. Persatuan dah ada. Minta jurulatih\_ \_ \_ *tu*[itu] *je*[sahaja]. Nasihat saya kepada anak-anak muda sekarang banyakkann bengkel zapin. Kena belajar- itu *je*[sahaja].

**NJ : *Okay*[Baiklah]. Terima kasih kepada Encik Mohee kerana sudi meluangkan masa bersama kami– dan juga Cik Ira[Nursyahirah] kerana sudi *tunjukkan*[menunjukkan] jalan ke rumah Encik Mohee. Terima kasih.**

**EM : Sama-sama.**

## **TAMAT BAHAGIAN 5**

Demikian tadi wawancara bersama Encik Mohee bin Hashim mengenai penglibatan dan pengalaman beliau dalam bidang tarian seni zapin, kami mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai bidang dan peristiwa yang telah berlaku. Semoga hasil rakaman ini memberi maanfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi akan datang. Saya menutup sesi temuramah ini dengan ucapan ribuan terima kasih.

# LAMPIRAN



## LOG WAWANCARA

Norshafiza binti Shahllan dan Nur Jannah binti Khairuddin menemubual Encik Abdul Mohee bin Hashim, yang dilahirkan pada 25 Disember 1941, di Johor. Temubual dijalankan di rumah beliau di Kluang, Johor mengenai latar belakang beliau, dan pengalaman beliau secara tidak langsung dalam memperkembangkan bidang tarian zapin di Malaysia.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
0:57	Memperkenalkan diri	Encik Abdul Mohee bin Hashim
1:12	Penglibatan pertama dalam tarian melayu semasa di Sekolah Tinggi Muar	Dalam Tingkatan Tiga tahun 1957
<b>BAHAGIAN 2: KERJAYA</b>		
1:52	Bekerja di Johor Bahru pada 1961	Jabatan Audit JKR (Jabatan Kerja Raya) RTM Maktab Perguruan Pejabat Belia

**BAHAGIAN 3: PENGALAMAN MENCEBURI BIDANG ZAPIN**

2:17	Mengajar dalam pelbagai institusi di Johor Bahru	Sekolah Rendah Kebangsaan Sekolah Menengah Kebangsaan Jabatan Kerajaan Kilang
2:38	Ditugaskan di Kluang tanpa mengetahui punca pada tahun 1980 hingga 1990	Pejabat Belia Majlis Sukan Daerah Kluang
3:02	Bersara pada tahun 1996	
3:12	Semasa di Kluang, mengajar zapin	Kilang Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kem Mahkota Bakat Bakat TUDM
4:37	Datang ke satu mesyuarat yang dihadiri oleh Ghani Othman (Menteri Besar Johor ketika itu) dengan Professor Dr. Anis	Ghani Othman untuk mewujudkan tarian zapin di negeri Johor
5:40	Tahun 1994, tertubuhnya Yayasan Warisan Johor	Encik Mohee bersara awal, pada tahun 1996

6:24	Menghadiri bengkel zapin yang dianjurkan oleh Professor Dr. Anis di Gunung Ledang Resort pada awal 1996	-Untuk melihat siapa yang mengajar zapin pada ketika itu  -Professor Dr. Anis yang mengajar dan Zapin Melayu Johor Asli adalah zapin pertama di Johor
8:56	Menjadi juri setiap kali ada pertandingan dan juri daripada Yayasan Warisan Johor	Menjadi juri pada tahun 1997 hingga 2011
9:33	Tahun 2012, mendapat sakit strok	
9:57	Bergiat dalam Yayasan Warisan Johor	Dilantik secara tidak rasmi sebagai Busana dan Tatarias Zapin
11:32	Puan Diana datang ke rumahnya kerana ingin melantik Encik Mohee sebagai Tokoh Busana dan Tatarias	
12:15	Memberitahu bahawa di Studio Pezapin terdapat sebuah galeri semua pakaian Johor dan perhiasan zapin	Studio Penggiat Pezapin Negeri Johor

12:37	Menerangkan etika-etika pemakaian penari zapin dalam pertandingan	Etika pemakaian para penari lelaki dan perempuan
14:59	Memberitahu bahawa dia sudah tidak boleh menari kerana strok, tetapi masih terlibat dalam aktiviti melibatkan busana dan tatarias	
23:35	Tahun 1990, sambutan daripada sekolah rendah dan sekolah menengah berkembang luas	
24:22	Memberitahu bahawa Kedah, Perak, Terengganu dan Kelantan juga terdapat tarian zapin	
30:00	Menceritakan bahawa beliau banyak mengalami pengalaman pahit dalam kesusahan menjadi seorang juri, kurang pengalaman manis	

**BAHAGIAN 4: BIDANG ZAPIN**

36:13	Pernah melibatkan diri dengan Zapin Melayu Johor Asli	Dicipta oleh Professor Dr Anis kerana tiada sesiapa yang wujudkan lagi
36:58	Menegaskan perlu belajar menari tarian Zapin Melayu Johor Asli dahulu sebelum belajar tarian zapin lain	
37:47	Menerangkan tarian zapin adalah sebuah tarian yang lembut	
39:54	Menegaskan bahawa lelaki dan perempuan boleh menari tarian zapin	
42:24	Memberitahu setiap negeri ada tarian zapin, tetapi banyak kepada tradisi	Tarian joget
44:16	Menunjukkan plak anugerah daripada Singapura	
46:25	Memberitahu Zapin Melayu Johor tidak ada pantang larang seperti tarian kuda kepang	

47:10	Mengenal ramai beberapa adiguru-adiguru zapin yang lain	Pak Akob (Zapin Tenglu) Zabedah (Zapin Parit Mastar) Encik Majid (Zapin Lenga) Zainal (Zapin Pekajang) Allahyarhan Tuan Haji Jaafar Ikhwan (Seri Bunian), sekarang Puan Diana
<b>BAHAGIAN 5: SUMBANGAN</b>		
54:17	Hanya pernah mendapat anugerah plak dari Singapura. Malaysia tidak pernah memberi sebarang anugerah	Diberi pada tahun 2004 oleh Encik Zubir Said, daripada Singapore Malay Performing Arts
55:50	Perlantikan sebagai Tokoh Busana dan Tatarias adalah secara tidak rasmi	Professor Dr Anis yang melantik kerana mereka berkawan rapat
57:38	Memberitahu bahawa beliau menyertai Persatuan Penggiat-Penggiat Zapin Negeri Johor selepas bersara pada tahun 2011	
58:35	Setiap kali terdapat bengkel pe-zapin, beliau akan melibatkan diri	

59:40	Beliau berasa gembira apabila melihat anak-anak buahnya sudah pergi ke peringkat lebih maju dalam bidang zapin	Semua anak-anak buahnya sudah boleh mengajar
1:03:29	Menjadi penasihat terhadap anak-anaknya dan sudah tidak menjadi pembimbing	
1:03:48	Beliau sudah tidak mengajar dan melatih peserta-peserta zapin sejak sakit. Beliau hanya memberi nasihat	Nasihat tentang hukum-hakam dan busana dan tatarias tentang zapin
1:05:01	Menasihati bahawa sekiranya menjadi juri, jadilah juri dengan adil-seadilnya	
<b>BAHAGIAN 6: PENDAPAT</b>		
1:12:24	Memberitahu tentang nilai-nilai yang perlu ada pada peserta zapin	<p>-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Yakin</li> <li>ii. Kemas (tahu apa yang hendak mereka persembahkan)</li> <li>iii. Fleksibel (menari dengan cantik)</li> </ul>

1:16:20	Memberi pendapat, apa yang perlu para belia lakukan untuk memperkembangkan tarian zapin	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Belajar semua zapin</li> <li>ii. Habiskan belajar dan bahagi kepada satu zapin kepada kumpulan</li> <li>iii. Turut serta dalam persembahan</li> <li>iv. Bebas melakukan apa yang disukai tetapi jangan hilangkan asal-usul tarian</li> </ul>
1:21:18	Memberi pendapat bahawa media jangan hanya tertumpu kepada satu tarian zapin. Penyebaran itu perlu diperluaskan lagi	
1:24:24	Nasihat kepada anak-anak muda	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Banyakkan bengkel zapin Johor Asli</li> <li>ii. Mulakan daripada sekarang sekiranya mahu tarian ini maju</li> <li>iii. Pergi mencari ilmu</li> <li>-</li> </ul>



## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
	14 Mac 2015	<p><b>Menghantar mesej</b></p> <p>Menghantar mesej(SMS) kepada Puan Diana, salah seorang ahli Persatuan Pezapin untuk memberitahu tujuan menerumah Encik Mohee</p>	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan
3.30 petang	17 Mac 2015	<p><b>Panggilan telefon</b></p> <p>Membuat panggilan telefon untuk pengesahan tarikh waktu lapang untuk ditemuramah. Puan Diana menyuruh kami untuk menetapkan dulu tarikh untuk pergi, dan Puan Diana memberitahu tarikh-tarikh yang dia dan Encik Mohee tidak lapang.</p>	Penetapan tarikh dibincangkan
	19 Mac 2015	<p><b>Menghantar mesej</b></p> <p>Tarikh sudah ditetapkan pada 13 Mei 2015. Menghantar mesej kepada Puan Diana untuk memberitahu tarikh yang sudah ditetapkan. Namun, mesej tidak dibalas pada hari ini.</p>	
	22 April 2015	<p><b>i. Mesej dibalas</b></p> <p>Puan Diana membalas mesej mengatakan pada tarikh tersebut dikhuatiri tiada siapa yang lapang untuk menghantar Encik Mohee ke Studio Pezapin di Kulai. Untuk kepastian, Puan Diana memberi nombor telefon Encik Mohee untuk dihubungi terus.</p>	Perancangan awal untuk pergi ke Johor

		<p><b>ii. Panggilan telefon</b></p> <p>Panggilan telefon kepada Encik Mohee untuk memberitahu tarikh perjumpaan yang sudah ditukar kepada 15 Mei 2015 pada pukul tiga petang. Encik Mohee bersetuju dengan tarikh tersebut.</p>	
	10 Mei 2015	<p><b>Panggilan telefon</b></p> <p>Panggilan telefon kepada Encik Mohee semula untuk kepastian tarikh. Encik Mohee memberi kepastian pada tarikh tersebut</p>	
	14 Mei 2015	<p><b>Penerimaan mesej</b></p> <p>Puan Diana menghantar mesej bahawa Encik Mohee tidak sihat dan tidak dapat datang ke Studio Pezapin di Kulai. Dia bertanya kepada Encik Mohee sekiranya sesi temuramah boleh dilakukan di rumahnya di Kluang, dan Encik Mohee bersetuju. Puan Diana tidak dapat hadir pada sesi itu kerana ada hal lain, dan digantikan dengan Cik Nursyahirah untuk menjaga Encik Mohee.</p>	<p>Persediaan perakam suara, senarai soalan untuk ditemurah, dan kenderaan untuk ke Kluang</p>
3.00pm – 5.00pm	15 Mei 2015	<p><b>Perjumpaan sesi temuramah</b></p> <p>Perjumpaan dilakukan di rumah Encik Mohee di Kluang. Sesi temuramah dijalankan hampir dua jam sambil ditemani anak buah Encik Mohee, Cik Nursyahirah</p>	<p>Persediaan untuk membuat transkrip selepas menerumah</p>

# SENARAI SOALAN

## 1.0 LATAR BELAKANG

1. Apakah nama penuh Encik Mohee?
2. Apakah nama gelaran En Mohee?
3. Apakah nama penuh kedua-dua ibu bapa Encik Mohee?
4. Dari manakah ibu bapa En Mohee berasal?
5. Bilakah tarikh lahir En Mohee?
6. Berapakah umur En Mohee sekarang?
7. Di manakah Encik Mohee dilahirkan?
8. Dimanakah Encik Mohee tinggal sekarang?
9. Siapakah nama isteri En. Mohee?
10. Dari manakah asal isteri En Mohee?
11. Apakah pekerjaan isteri En Mohee?
12. Bagaimana En Mohee mengenali isteri En Mohee?
13. Bagaimanakah isteri En Mohee salah saeorang yang mendorong En Mohee menyertai tarian zapin?
14. Berapa orangkah anak encik Mohee? Apakah nama mereka dan berapakah umur mereka?
15. Apakah pekerjaan mereka sekarang?
16. Apakah En Mohee sudah memiliki cucu?
17. Adakah di antara anak atau cucu En Mohee yang juga menceburi diri dalam tarian zapin?
18. Adakah En Mohee mempunyai hobi sendiri di waktu lapang?
19. Di sekolah manakah En Mohee belajar dahulu? (sekolah rendah dan menengah)

20. Adakah En Mohee terlibat dengan tarian zapin semasa di sekolah rendah ?
21. Bagaimanakah pencapaian akademik En Mohee ketika penglibatan dalam tarian zapin?
22. Adakah En Mohee aktif dalam sukan dan kokurikulum?
23. Adakah Encik Mohee mempunyai idola tersendiri? Siapakah beliau?
24. Apakah yang menyebabkan En Mohee menjadikannya sebagai idola?
25. Apakah prinsip hidup En Mohee yang dipegang sehingga kini?
26. Apakah status En Mohee sekarang? (status pekerjaan : pencen @ masih aktif dalam senitani @ mempunyai pekerjaan lain)

## **2.0 KERJAYA**

27. Selepas tamat belajar, adakah En Mohee bekerja? Apakah pekerjaan En Mohee?
28. Boleh kongsi dengan kami mengenai pekerjaan yang pernah En Mohee ceburi?
29. Pada tahun berapa En Mohee mula bekerja?
30. Adakah pekerjaan En Mohee berkaitan dengan tarian zapin?
31. Apakah tugas yang dipertanggungjawabkan kepada En Mohee?
32. Apakah faktor En Mohee bertugas di sana?
33. Berapa lamakah tempoh En Mohee berkhidmat disana?

## **3.0 PENGALAMAN MENCEBURI BIDANG ZAPIN**

34. Bilakah pertama kali En Mohee mula melibatkan diri dalam tarian zapin?
35. Adakah penglibatan En Mohee dalam tarian zapin ini secara aktif atau sekadar hobi?
36. Adakah En Mohee terlibat dalam tarian zapin kerana minat?
37. Apakah yang membuatkan En Mohee berminat untuk melibatkan diri dalam tarian zapin?

38. Pada tahun berapakah En Mohee mula serius untuk melibatkan diri dalam tarian zapin?
39. Adakah keluarga iaitu ibu bapa En Mohee menyokong penglibatan En Mohee dalam bidang tarian zapin ini?
40. Adakah En Mohee mempunyai rakan-rakan yang juga meminati dalam bidang yang sama pada ketika itu?
41. Sebagai penari zapin En Mohee mesti mempunyai beberapa orang rakan penari, bagaimanakah En Mohee membentuk kumpulan?
42. Berapakah ahli yang diperlukan untuk membentuk satu kumpulan penari zapin?
43. Siapakah teman yang paling rapat ketika menjadi penari?
44. Adakah En Mohee masih berhubung dengan rakan penari yang lain?
45. Adakah mereka masih ada ketika ini?
46. Bilakah dan dimanakah En Mohee pertama kali membuat persembahan zapin?
47. Apakah perasaan yang boleh digambarkan oleh En Mohee apabila buat pertama kalinya menyertai persembahan zapin?
48. Siapakah adiguru zapin En Mohee pada ketika itu?
49. Bagaimanakah cara pembelajaran beliau?
50. Berapa banyakkah persembahan tarian zapin yang sudah En Mohee sertai?
51. Adakah En Mohee pernah menyertai sebarang pertandingan zapin dahulu?
52. Bolehkah ceritakan sedikit tentang pengalaman pahit dan manis sepanjang menyertai tarian zapin?
53. Pada tahun berapakah En Mohee berhenti menari/menyertai pertandingan/persembahan zapin?
54. Sudah berapa lamakah penglibatan En Mohee dalam tarian zapin?

55. Apakah cabaran paling hebat sepanjang menjadi penari zapin?
56. Bagaimanakah En Mohee mengatasi cabaran tersebut? Apakah En Mohee belajar darinya?
57. Bagaimana sambutan masyarakat terhadap tarian zapin ketika itu?
58. Bagaimana keadaan, suasana dan kemudahan yang diterima ketika itu?
59. Pertandingan yang manakah menjadi memori paling berharga buat En Mohee?

#### 4.0 BIDANG ZAPIN

60. Zapin Johor mempunyai pelbagai jenis tarian, apakah nama-nama jenis tarian tersebut?
61. Apakah perbezaan antara jenis-jenis tarian tersebut? (cth : asal-usul, adiguru dll)
62. Apakah tarian zapin yang paling diminati oleh En Mohee?
63. En Mohee dikenali sebagai Tokoh Busana dan Tatarias Zapin, apakah yang dimaksudkan dengan 'busana' dan 'tatarias zapin' itu?
64. Apakah yang menyebabkan En Mohee dilantik sebagai tokoh tersebut?
65. Apakah tugas sebenarnya sebagai seorang Tokoh Bqusana dan Tatarias Zapin?
66. Pada tahun dan umur berapakah En Mohee ketika mendapat gelaran tokoh ini?
67. Sepanjang pengalaman En Mohee menceburi tarian zapin, adakah tarian zapin terdapat pantang larangnya tersendiri?
68. Siapakah tokoh adiguru zapin yang En Mohee kenali sekarang?
69. Apakah gelaran tokoh-tokoh tersebut?
70. Jenis bidang zapin apakah yang mereka ceburi?

#### 5.0 SUMBANGAN

71. Apakah Encik Mohee menerima sebarang anugerah dan penghargaan yang diberikan oleh kerajaan negeri Johor?
72. Berapakah anugerah yang diterima oleh En Mohee?
73. Bolehkah En Mohee nyatakan pada tahun berapa, dan juga daripada siapa En Mohee terima anugerah-anugerah tersebut?
74. Setelah bersara daripada tarian zapin, adakah En Mohee masih lagi melibatkan diri dalam mana-mana persatuan pe-zapin?
75. Apakah nama persatuan atau kelab yang En Mohee sertai bagi mengembangkan tarian zapin?
76. Di manakah pejabat utama persatuan tersebut?
77. Bilakah En Mohee menyertai persatuan tersebut?
78. Adakah En Mohee pernah menjadi tetamu jemputan dalam mana-mana majlis, kempen atau bengkel yang berkaitan dengan zapin?
79. Sekiranya ada, siapakah yang pernah menjemput En Mohee untuk menghadiri majlis/kempen/bengkel tersebut?
80. Apakah aktiviti atau program zapin yang pernah En Mohee sertai?
81. Apakah aktiviti yang kerap disertai?
82. Dimanakah aktiviti dilakukan?
83. Aktiviti bagaimanakah yang wajar dikembangkan?
84. Siapakah yang terlibat dengan aktiviti yang dianjurkan?
85. Siapakah penganjur untuk aktiviti yang diadakan?
86. Apakah aktiviti yang diadakan ini mempunyai kerjasama dengan mana-mana institusi?
87. Bagaimana penyertaan yang diterima?

88. Siapakah yang menyertai?
89. Pernahkah terdapat peserta dari luar negara yang terlibat dalam aktiviti ini?
90. Negara manakah yang terlibat?
91. Apakah bayaran yang dikenakan tidak membebankan?
92. Apakah objektif untuk setiap aktiviti yang dijalankan?
93. Bagaimana penerimaan peserta dengan aktiviti yang dianjurkan?
94. Adakah En Mohee sekarang masih melatih anak-anak muda dalam tarian zapin?
95. Anggaran sudah berapa orangkah anak murid En Mohee yang pernah dilatih?
96. Sebagai orang lama, pernahkah En Mohee dilantik sebagai juri ataupun penasihat zapin dalam mana-mana pertandingan?
97. Sekiranya pernah, bagaimanakah cara En Mohee memberi komen kepada para peserta zapin?
98. Apakah cabaran dalam menganjurkan aktiviti–aktiviti ini?
99. Apakah kenangan atau saat manis dalam mengendalikan aktiviti ini?
100. Apakah media sosial digunakan untuk mengembangkan lagi maklumat mengenai aktiviti tarian zapin?



## 6.0 PENDAPAT

101. Pada pendapat En Mohee, apakah nilai yang perlu ada pada setiap peserta yang menyertai aktiviti ini?
102. Pada pendapat En Mohee, apakah aktiviti lain atau cara lain yang boleh dilakukan dalam mengembangkan lagi tarian zapin?
103. Pada pandangan tuan bagaimana penerimaan generasi muda terhadap tarian zapin yang semakin hilang ditelan zaman?
104. Pada pandangan tuan, apakah nilai kesedaran yang harus ada pada generasi ini dan pihak-pihak yang sewajarnya memperkenalkan budaya dan tarian zapin ini?
105. Sejauh mana peranan yang diberikan setakat ini?
106. Pada pandangan tuan, apakah penambahbaikan yang patut dilakukan?
107. Bagaimanakah En Mohee sendiri mahu menarik minat anak-anak muda zaman sekarang untuk menceburi dalam bidang budaya dan tarian?
108. Pada pandangan tuan, sejauh mana media masa memainkan peranan dan pengaruh dalam menyebarkan serta mempromosikan budaya dan tarian?
109. Bolehkah berikan sedikit nasihat atau kata-kata semangat kepada para belia di luar sana yang mahu menceburi diri dalam bidang tarian zapin?

108. Pada pandangan tuan, sejauh mana media masa memainkan peranan dan pengaruh dalam menyebarkan serta mempromosikan budaya dan tarian?
109. Bolehkah berikan sedikit nasihat atau kata-kata semangat kepada para belia di luar sana yang mahu menceburi diri dalam bidang tarian zapin?



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Abdul Mohee Bin Hashim Pada 15 Mei 2015

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari 25 JUN 2015 (tarikh). Dipersetujui pada 15 MEI 2015 oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (Tokoh)

  
Dr. Mohd Nasir Ismail,

Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti Sains  
Pentadbiran dan Pengajian Polisi & Fakulti  
Undang-Undang  
UiTM (Kelantan)

LAMPIRAN 1



Gambar 1: Anugerah piala penghargaan daripada Singapura



Gambar 2 : En Mohee bergambar bersama pelajar yang menemubual beliau.

# INDEKS

## A

Abdul Mohee 2

Adiguru 14, 15

Agregat 3

Artillery 3

Azhar 5

## B

Boria 7

Berdagang 19

Busana 2,5,6,7,8,11,15,17

## C

Cakap 3,5,10,16,18,19

Cantik 7,10,12,13

Cekak musang 7

Couple 6

Couras 9

## D

Daerah 3,4,5,6,8

Dekan 16

Diana 5,10,13

Dr Anis 3,4,5,10

Dulu 5,6,7,8,13,17,18

## F

Festival 13

Fesyen 6

Final 9,10

## G

Ghani Othman 3

Good 8

Gunung Ledang 4

## H

Hantar 9,17

## I

Inang 12,13

## J

Jabatan 3,9,16,17

Jabatan Audit 3

Jambul 6

Jawa 14

*JKR* (Jabatan Kerja Raya) 3

*JKKN* (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian

Negara) 17

Joget 12,13

Johor 3,4,5,7,8, 9,12,13,14,18, 22

Juri 4,10,11,13, 18,

## K

Karyawan Tamu 4,8

Kayu 13  
Kebangsaan 9, 17,  
Kedah 8, 9  
Kelantan 9  
Kem Mahkota Bakat 3  
Kementerian 9,12  
Kerajaan 3  
Kluang 2,3,4,9  
Kocek 6,7,18, 19  
Kuala Lumpur 9,12,17,  
Kurung Sari 7, 19  
Kilang 3

L

Lelaki 6,7,11,12,13, 17,18, 19, 20

Lenga 4,9,12, 15, 20, 21

Limau manis 5,6,19

Lebah bergantung 5

M

Melayu 2, 4 ,8,12,13, 14

Muar 2,4,9,12, 15

Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim 3

Menteri Besar Johor 4

Mak Yong 9

P

PTG 3

Pejabat 3

Pulau 4,9,12

Penggiat 3,5,16

Pakaian 5,11,18,19

Pekajang 4,9,16

Pontian 4,9,11,12,15

Pe-zapin 3,5,16

Perempuan 6,7,11,12,13,17,18,19

Pertama 4,9, 17

Professor 5,6,10,12,16,18

Penari 11,12,17,19

Pesantren 3

Pasir Gudang 9

R

RTM 3

S

SEMARAK 13

Singapura 13,14,15,

Seni 13,17,

Seri Bunian 4,12,15,20, 21

Seri Mersing 11

Sanggul 5,6,18, 19

Sri Warna 13, 14

Sezaman 13, 21

T

Tarian 2,5,8,9,10,12,13,14,16,18,20,21

Tengku Abdul Rahman 9

Tenglu 14,21

Tatarias 2,5,6,8,15

TUDM 3

Tampi 9

U

UKM 9

UM 16

UiTM 17

Y

Yayasan Warisan Johor 4,7, 16

Z

Zapin 2,3,4,5,6,7,8,9,10,12,13,14,16,

17,18,19,20,22